



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: +603-88849586 (Aras 3)  
+603-88849370 (Aras 4)  
Faks: +603-88849315  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM. 100-11/2/2 Jld5(46)  
Tarikh : ) November 2018

**Semua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DI DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID  
(APDM) DI MODUL PENGURUSAN MURID BAGI SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa data murid di dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) adalah merupakan satu pangkalan data tunggal murid yang digunakan oleh semua aplikasi yang berasaskan data murid di Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, semua sekolah hendaklah melaksanakan tindakan berikut bagi sesi tahun persekolahan 2019 iaitu :

- 3.1 Menyemak dan mengemaskini maklumat kelas mengikut aliran dan bidang seperti yang telah diluluskan dalam Anggaran Belanja Mengurus Perjawatan ;
- 3.2 Memastikan nama, status kewarganegaraan, kaum, agama dan jantina murid adalah betul seperti di dalam dokumen yang telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara ;
- 3.3 Mengemaskini maklumat Penjaga Utama dan Penjaga Kedua yang meliputi maklumat pendapatan, pekerjaan, nombor telefon dan alamat rumah ;
- 3.4 Mengemaskini maklumat bayaran fi dan surat kebenaran belajar bagi murid Bukan Warganegara ;
- 3.5 Melaksanakan pemindahan murid mengikut kelas sebenar selepas proses pemindahan kelas dibuat secara automatik oleh sistem APDM bermula pada 21 hingga 27 Disember 2018 ;
- 3.6 Memastikan bilangan enrolmen murid bagi setiap kelas adalah tepat dan betul setelah penetapan kelas sebenar dilakukan oleh sekolah ;
- 3.7 Mengesahkan semua data dan maklumat murid sebelum 15 Januari 2019.

4. Semua proses pengemaskinian ini perlu dilakukan sebelum **15 November 2018** dan untuk kali kedua selepas pemindahan kelas sebenar **pada atau sebelum 15 Januari 2019**. Kegagalan pihak sekolah melaksanakan pengemaskinian ini akan menyebabkan gangguan pada aplikasi-aplikasi lain seperti sistem permohonan sekolah atau kolej dan pendaftaran peperiksaan awam.

*Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung*



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERTIFIED TO ISO  
CERT. NO. : AR4166 9001:2008

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DI DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM) DI MODUL  
PENGURUSAN MURID BAGI SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2019**

Ruj. Kami : KPM. 100-11/2/2 Jld ( )


5. Segala maklumat lanjut berkaitan perkara ini bolehlah menghubungi Cik Siti Rafidah binti Haji Sariman di talian 03-88849415 atau Encik Azlin bin Sanip di talian 03-88849458 dan e-mel [apdm.team@moe.gov.my](mailto:apdm.team@moe.gov.my)

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan diminta memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua/Guru Besar dan guru-guru di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**SHAARI BIN OSMAN**

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan
3. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
4. Timbalan Ketua Setiausaha  
Pengurusan
5. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
6. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam
7. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
8. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas
9. Pengarah  
Bahagian Sukan
10. Pengarah  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
11. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Swasta
12. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
13. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat
14. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan